



BULETIN

UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Bil.12 Disember 2022 | ISSN 2232-0415



Tunku Mahkota Johor dimasyhur sebagai Canselor baharu UTHM

4484 graduan dianugerah ijazah dalam Istiadat Konvokesyen UTHM KE-22

ISSN 2232-0415



9 772232 041007

EXCELLENT



UTHM Johor



subscribe
UTHM TV



Global Technopreneur
University 2030



ISI KANDUNGAN

- 1 Tunku Mahkota Johor dimasyhur sebagai Canselor baharu UTHM - 4484 graduan dianugerah ijazah dalam Istiadat Konvokesyen UTHM KE-22
- 2 35 graduan Fakulti Teknologi Kejuruteraan, UTHM jadi kumpulan pertama bergraduan dalam jurusan rel
- 3 126 graduan dirai dalam Majlis Konvokesyen Program Eksekutif UTHM
- 4 Bidang Sains dan Teknologi Makanan UTHM dapat pengiktirafan Institute of Food Technologists
- 5 UTHM kekalkan kedudukan antara 200 universiti terbaik dalam penarafan UIGWUR
- 6 Pelajar UTHM berjaya raih tempat di Tanggam Mobili Design Award 2022
- 8 Terbitan Terkini

REDAKSI

PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad

EDITOR

Nor Azezee Ahmad

PENYELARAS / WARTAWAN

Suriyati Baharom

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita daripada semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang akan datang. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Jabatan Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel: +607-453 3457

Emel: korporat@uthm.edu.my



Tunku Mahkota Johor dimasyhur sebagai Canselor baharu UTHM - 4484 graduan dianugerah ijazah dalam Istiadat Konvokesyen UTHM KE-22

Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor dimasyhurkan sebagai Canselor UTHM yang baharu ketika berlangsungnya sidang pertama, Istiadat Konvokesyen Ke-22 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada 3 Disember 2022, bertempat di Dewan Sultan Ibrahim, kampus induk.

Manakala Yang Amat Mulia Tunku Idris Iskandar Al-Haj Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor dan Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor pula dilantik sebagai Pro-Canselor UTHM yang baharu.

Tunku Canselor dalam titahnya mengucapkan tahniah kepada kedua-dua Pro Canselor yang baharu dilantik dan semua graduan yang berjaya menamatkan pengajian masing-masing.

Baginda berpesan kepada graduan untuk mempersiapkan diri dengan ilmu dan kemahiran yang tinggi, selain mempunyai pegangan agama yang kukuh dan sahsiah diri yang terpuji bagi menghadapi alam pekerjaan yang semakin kompetitif.

Baginda turut menyokong usaha UTHM dalam memacu teknologi global, kemahiran keusahawanan

dan pendigitalan TVET untuk pembangunan ekonomi dan kelestarian negeri Johor khususnya.

"Saya mendoakan UTHM terus menjadi sebuah universiti yang relevan, dinamik dalam melahirkan graduan, ke arah pemikiran kelas pertama serta modal insan yang berinovasi lagi bestari," titah baginda.

Seramai 4484 orang graduan layak menerima sijil masing-masing merangkumi pelbagai peringkat pengajian iaitu ijazah doktor falsafah (128), sarjana (255), sarjana muda (3443) dan diploma (658).

Istiadat tersebut turut menyaksikan penyampaian Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kejuruteraan Mekanikal kepada Dato' Dr. Mohd Sofi Osman, Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM (2018-2021) bagi menghargai sumbangan beliau dalam bidang akademik, pembangunan universiti dan penyelidikan serta modal insan.

Manakala Profesor Datuk Ir. Ts. Dr. Wahid Razzaly, mantan Naib Canselor UTHM (2017-2022) pula menerima Anugerah Profesor Emeritus bagi menghargai sumbangan beliau kepada universiti dan negara terutama dalam

bidang teknologi, kejuruteraan dan Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Turut menerima anugerah dalam istiadat tersebut, penerima Anugerah Pelajaran DiRaja (Pingat Jaya Cemerlang), Muhammad Faris Abdul Hadi, graduan Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi) dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan dan Khoo Chun An, graduan Sarjana Muda Sains (Matematik Teknologi) dari Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi.

Manakala graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Awam, Hajar Shahirah Che Ariffin dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina pula menerima Anugerah Sultan Ibrahim.

Dengan berlangsungnya istiadat konvokesyen ini maka jumlah graduan UTHM sehingga tahun 2022 telah mencecah seramai 53 760 orang.

35 graduan Fakulti Teknologi Kejuruteraan, UTHM jadi kumpulan pertama bergraduan dalam jurusan rel



BATUPAHAT-Seramai 35 graduan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pengangkutan Rel menjadi kumpulan pertama yang bergraduan dalam jurusan rel berikutan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) merupakan universiti awam pertama di Malaysia yang menawarkan program pengajian itu.

Program di bawah Jabatan Teknologi Kejuruteraan Pengangkutan (JTKP), Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) bertujuan melahirkan pakar bagi menyokong keperluan industri pengangkutan di Malaysia.

Menurut Dekan FTK, Profesor Madya Ts. Dr. Jumadi Abdul Sukor, program tersebut memenuhi keperluan industri rel yang holistik merangkumi teknologi *rolling stock*, *trackwork*, *electrification*, *signalling and communication*, *infrastructure* serta ditambah dengan elemen pengurusan, operasi, keselamatan dan penyelenggaraan.

“Program ini juga mengadaptasi konsep *2u2i* dan *Work-based Learning (WBL)* yang berteraskan industri dan memberi peluang kepada pelajar untuk merasai lebih pengalaman di industri berbanding program akademik konvensional,” katanya.

Tambah beliau, kandungan program itu turut dipastikan selari dengan kehendak dan perjalanan industri dari semasa ke semasa.

Input dan nasihat daripada pemegang taruh terutamanya pemain industri rel, agensi dan jabatan kerajaan yang berkaitan, pemberi biaya, universiti serta semua pihak yang terlibat diguna pakai bagi memastikan kandungan program sentiasa relevan.

UTHM berusaha memastikan para graduan yang lahir daripada program tersebut bersifat tersedia untuk industri apabila mereka menamatkan pelajaran dan seterusnya meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Pihak universiti merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada para graduan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pengangkutan Rel dengan Kepujian (BNT) yang menerima skrol masing-masing ketika berlangsungnya Istiadat Konvokesyen ke-22 UTHM pada 7 Disember 2022.

“Menurut Dekan FTK, Profesor Madya Ts. Dr. Jumadi Abdul Sukor, program tersebut memenuhi keperluan industri rel yang holistik merangkumi teknologi *rolling stock*, *trackwork*, *electrification*, *signalling and communication*, *infrastructure* serta ditambah dengan elemen pengurusan, operasi, keselamatan dan penyelenggaraan.

126 graduan dirai dalam Majlis Konvokesyen Program Eksekutif UTHM



BATU PAHAT – Seramai 126 Borang graduan layak menerima sijil masing-masing setelah berlangsungnya Majlis Konvokesyen Program Eksekutif sempena Istiadat Konvokesyen ke - 22 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang diadakan pada 8 Disember 2022 bertempat di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM.

Majlis konvokesyen tersebut diadakan bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada pelajar yang berjaya menamatkan sesi pembelajaran Program Eksekutif UTHM.

Program Diploma Eksekutif Imam Profesional dilaksanakan bagi meningkatkan profesionalisme pelapis imam dan juga sebagai kelayakan ikhtisas seorang imam profesional.

Program ini bertujuan melahirkan insan berilmu dan bertaqwa berteraskan konsep pengabdian mutlak kepada Allah SWT agar menjadi imam yang unggul dalam membimbing masyarakat ke arah kejayaan dan penghayatan islam.

Manakala, Program Diploma Lepas Ijazah (PGDip) Pembelajaran dan Pengajaran Pengajian Tinggi, UTHM pula dilaksanakan bagi melatih staf akademik dalam bidang pengajaran dan pembelajaran (P&P) secara lebih formal dan sistematik bagi memartabatkan kecemerlangan akademik.

Program ini juga bagi memberi peluang kepada staf akademik

melengkapkan diri dalam pelbagai aspek kemahiran demi melahirkan graduan yang berkualiti selaras dengan perubahan dan cabaran di dalam dunia pendidikan.

Majlis Konvokesyen yang disempurnakan oleh Profesor Ts. Dr. Azme Khamis, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) selaku wakil rasmi Naib Canselor UTHM merangkumi dua peringkat pengajian iaitu Penganugerahan Diploma Eksekutif Imam Profesional kepada 66 graduan dan Diploma Lepas Ijazah (PGDip) Pembelajaran dan Pengajaran Pengajian Tinggi kepada 60 graduan.

Prof. Azme dalam ucapannya mengucapkan tahniah kepada semua graduan yang menerima penganugerahan pada hari tersebut.

“Besar harapan saya kepada semua graduan supaya dapat memanfaatkan sebaik mungkin ilmu dan pengalaman yang diperolehi sepanjang mengikuti Program Eksekutif UTHM ini serta dapat mengaplikasikannya dalam dunia pekerjaan sebenar,” katanya.

Turut hadir, Dato’ (Dr.) Haji Nooh Gadot, Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor merangkap Ahli Lembaga Pengarah UTHM, Sulaiman Ismail, Ketua Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan Majlis Agama Islam Negeri Johor selaku wakil rasmi Ketua Pengarah Eksekutif Majlis Agama Islam Negeri Johor, Profesor Ts. Dr. Mohd Kamarulzaki Mustafa, Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh, Ahli-Ahli Jawatankuasa

Eksekutif Universiti, Ahli-Ahli Senat UTHM dan wakil dari Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Majlis tersebut turut menyaksikan tiga graduan terpilih menerima Anugerah Khas YB. Dato’ Haji Md. Rofiki bagi penganugerahan Diploma Eksekutif Imam Profesional.

Naib Canselor dalam ucapannya mengucapkan tahniah kepada ibu bapa dan graduan yang berjaya menamatkan pengajian di universiti ini.

“Penganjuran majlis konvokesyen ini diharap dapat memberi semangat dan dorongan kepada graduan selain meningkatkan kecemerlangan universiti dalam membentuk hala tuju perjalanan program-program eksekutif dan profesional,” katanya.



Bidang Sains dan Teknologi Makanan UTHM dapat pengiktirafan Institute of Food Technologists



PAGOH – Program Ijazah Sarjana Muda Sains (Teknologi Makanan) dengan Kepujian yang ditawarkan oleh Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah mendapat pengiktirafan antarabangsa daripada *Institute of Food Technologists* (IFT) yang berpangkalan di Chicago, Amerika Syarikat.

Kejayaan tersebut menjadikan UTHM sebagai universiti Malaysian Technical University Network (MTUN) pertama di Malaysia yang mendapat pengiktirafan selama lima tahun dari IFT bermula tahun 2023 ini.

Manakala dalam kalangan universiti awam dan swasta (kategori bukan penyelidikan) di Malaysia pula, UTHM menjadi universiti pertama di negara ini yang mendapat pengiktirafan IFT.

Pengiktirafan ini adalah hasil semakan dan penilaian ketat oleh IFT Higher Education Review Board (HERB) bagi program akademik berkaitan sains makanan.

Menurut Dekan FAST, Profesor Madya Dr. Mohamad Zaky Noh pengiktirafan ini membuktikan UTHM begitu komited dalam memastikan program akademiknya terus kekal relevan, berdaya saing, berkualiti tinggi dan dikenali di peringkat dalam mahupun luar negara.

“Pengiktirafan ini juga akan membuka peluang laluan terus kepada pelajar-

pelajar Teknologi Makanan di UTHM untuk mendapat pelbagai jenis biasiswa yang ditawarkan oleh IFT,” katanya.

Untuk rekod, IFT yang ditubuhkan pada 1939 telah mengiktiraf lebih dari 80 universiti di seluruh dunia yang menawarkan program berkaitan dengan sains dan teknologi makanan.

IFT telah menetapkan piawaian antarabangsa yang tinggi bertujuan untuk menjamin kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam bidang ini.

UTHM berjaya menempatkan kedudukannya setanding dengan universiti-universiti terkemuka di dunia yang mendapat pengiktirafan sama seperti Cornell University, Iowa State University, Michigan State University, Pennsylvania State University, Massey University, McGill University, Hong Kong Polytechnic University, Al-Ain University (UAE), University College Dublin dan University of British Columbia.

Pada masa ini UTHM telah mempunyai alumni seramai 202 orang dari program Teknologi Makanan dengan pelajar aktif sejumlah 260 orang.

Alumni program ini telah berjaya mendapatkan pekerjaan di syarikat-syarikat multinasional dan antarabangsa terkemuka seperti Hershey's, Nestle, Mondelez International, Air Asia X, Coca Cola, F&N dan Farm Fresh.

Seiring dengan hala tuju UTHM iaitu menjadi *Global Technopreneur University* 2030 (GTU 2030), universiti komited menarik lebih ramai lagi pelajar yang menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dan seterusnya berjaya dalam perniagaan yang diceburi.

Permohonan untuk mendapatkan pengiktirafan ini telah bermula sejak tahun 2018 dan dibantu oleh pemegang-pemegang taruh program seperti Profesor Pelawat, Pemeriksa Luar dan Penasihat Industri FAST.

Antara yang terlibat adalah Profesor Ts. Dr. Sharifudin Md Shaarani dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan juga Profesor Dr. Fazilah Ariffin dari Universiti Sains Malaysia (USM).

Sementara itu, kata Ketua Jabatan Teknologi dan Sumber Semulajadi, Ts. Dr. Siti Fatimah Sabran berkata walaupun dunia sebelum ini dilanda wabak Covid-19, usaha keras dari Ketua Program Teknologi Makanan, Profesor Madya ChM. Dr. Norhayati Muhammad, Ketua Taskforce IFT Dr. Nurhafizah Malik dan semua ahli program akhirnya membuahkan hasil pada hari ini.

“Pengiktirafan ini diharapkan dapat menjadi daya penarik kepada pelajar tempatan dan antarabangsa untuk mengikuti program berkaitan sains dan teknologi makanan di UTHM,” katanya.

UTHM kekalkan kedudukan antara 200 universiti terbaik dalam penarafan UIGWUR



2. RESULTS SUMMARY

World Ranking	SI Ranking	EC Ranking	WS Ranking
165	300	323	315
1050	WR Ranking	TR Ranking	ED Ranking
	98	173	17

3. WORLD RANKINGS HISTORY



Figure 3.1 World Rankings History Diagram

4. RANKING IN MALAYSIA

Country Ranking	SI Ranking	EC Ranking	WS Ranking
9	14	11	14
32	WR Ranking	TR Ranking	ED Ranking
	7	11	3

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya mengekalkan kedudukan antara 200 universiti terbaik peringkat antarabangsa dalam penarafan *UI GreenMetric World University Ranking* (UIGWUR).

UTHM berada di kedudukan ke-165 daripada 1050 universiti yang menyertai penarafan tersebut sekali gus menjadi kedudukan terbaik pernah dicapai universiti ini sepanjang menyertai UIGWUR sejak tahun 2017.

Bagi kedudukan di Malaysia pula, UTHM berjaya meletakkan kedudukannya di tangga ke-9 daripada 32 institut pengajian tinggi awam/swasta berbanding kedudukan ke-10 pada tahun 2021 sekali gus menjadi antara 10 universiti terbaik di negara ini.

Penarafan UIGWUR itu merangkumi penilaian operasi yang dilaksanakan oleh universiti berdasarkan elemen-elemen

yang ditetapkan iaitu Tetapan dan Infrastruktur, Tenaga dan Perubahan Iklim, Sisa, Air, Pengangkutan serta Pendidikan dan Penyelidikan.

Menurut Pengarah Pejabat Kampus Lestari, Profesor Ts. Dr. Aeslina Abdul Kadir proses pengumpulan data dan penyediaan dokumen UIGWUR 2022 telah bermula pada bulan Mei 2022 dan penghantaran dokumen kepada sekretariat telah dibuat pada 27 Oktober 2022 lalu.

Tambah beliau, pengumpulan data tersebut melibatkan Ahli Jawatankuasa *Green Data* yang terdiri daripada Pejabat Kampus Lestari (SCO), Pejabat Pembangunan dan Penyelenggaraan (PPP), Penyelaras Data Hijau PTJ dan Pusat Kecemerlangan/ Penyelidikan UTHM.

Manakala bagi proses penyediaan dokumen dan laporan telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa


Penarafan *UI GreenMetric World University Ranking* UTHM yang terdiri daripada staf SCO, Jawatankuasa *Sustainable Champion Team* (SCT) dan Unit Teknikal (Perancangan & Pelaporan) Jawatankuasa Pengurusan dan Kecekapan Tenaga Universiti (JPKTU).

"Kejayaan ini menunjukkan warga UTHM semakin komited dalam membudayakan amalan kelestarian di kampus.

"Semoga kejayaan ini dapat memberikan inspirasi dan motivasi kepada warga UTHM untuk meningkatkan lagi amalan kelestarian di dalam dan luar kampus.

Kejayaan ini juga secara tidak langsung mampu meningkatkan lagi imej UTHM dalam kalangan IPT tempatan dan antarabangsa," katanya.

Pelajar UTHM berjaya raih tempat di Tanggam Mobili Design Award 2022



KUALA LUMPUR, 18 Dis 2022- Sekumpulan pelajar Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mencatat rekod tersendiri apabila berjaya meraih tempat ketika menyertai Pertandingan Tanggam Mobili Design Award 2022 yang berlangsung pada 3 hingga 21 November lalu.

FPTP telah menghantar tujuh penyertaan pelajar program Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Reka Bentuk dan Pembuatan Perabot (BPP) ke pertandingan tersebut dan tiga daripadanya berjaya mendapat tempat pertama, kedua dan ketiga bagi kategori Pelajar.

Pertandingan reka bentuk perabot peringkat kebangsaan anjuran Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) yang bertemakan "Celebrating the Best Timber Product Design in Malaysia" itu melibatkan dua kategori pertandingan iaitu "Profesional" dan "Pelajar."

Pertandingan pada tahun ini menyaksikan sebanyak 25 penyertaan bagi kategori Profesional dan 105 penyertaan bagi kategori Pelajar.

Pelajar FPTP yang terdiri daripada Mohamad Raimi Iskandar Malik, Muhammad Nur Ridzuan Rafizal dan Muhammad Faeizan Hairul Effendy meraih tempat pertama melalui reka bentuk perabot yang dinamakan DREI.

DREI merupakan produk yang mempunyai tiga fungsi iaitu sebagai penyangkut baju, rak kasut dan

pemegang payung serta mempunyai kemasan lakuer untuk menyerlahkan butiran kayu dan menunjukkan warna semula jadi.

Reka bentuk tersebut menggunakan tali 'manila' untuk membezakan gaya lama dan memberikannya kekuatan untuk menahan berat.

Manakala tempat kedua diraih oleh Wong Sie Yun, Kok Hooi Zhi dan Tan Jia Wei dengan reka bentuk rak 'Meow' yang direka untuk pencinta kucing, inspirasi idea daripada roda Ferris dan bentuk heksagon.

Tempat ketiga pula diraih oleh Muhammad Ariff Muhammad Rizan, Muhammad Izzat Zamri dan Muhammad Amin Mohamad Sabri dengan produk 'Rokkingu' iaitu sebuah bangku ayun yang dicipta untuk kegunaan umum sebagai tempat berehat.

Bangku 'Rokkingu' mempunyai reka bentuk yang unik inovasi daripada kerusi malas, berketinggian 750 mm serta diameter 600 mm dan bahan utama yang digunakan ialah logam, kayu padu serta tali getah.

Logam digunakan pada diameter permukaan atas sebagai bingkai, ditambah tali getah yang melintasi tempat duduk untuk menjadikannya lebih selesa dan didatangkan dengan warna kayu asli untuk kelihatan lebih klasik.

Acara penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Kanan Kementerian Industri Utama dan Komoditi, Wan

Ahmad Asmady Wan Md Din ketika berlangsungnya Majlis Penutup Kuala Lumpur Design Festival (KLDF) 2022 pada 18 Disember lalu bertempat di Muzium Telekom, Kuala Lumpur.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Kanan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, Roslina Idris; Pengarah Pembangunan Industri, Dr. Zamri Amin dan Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia, His Excellency Charles Hay.

Penganjuran KLDF 2022 yang bertemakan "Meraikan Kecemerlangan Reka Bentuk dan Mewujudkan Kesedaran Awam" itu bertujuan untuk mewujudkan platform industri reka bentuk seperti seni bina, perabot, reka bentuk dalaman, reka bentuk industri dan rekaan komunikasi visual bagi mendidik rakyat Malaysia tentang kepentingan reka bentuk yang baik.

Lebih 30 program telah dijalankan sepanjang 18 hari program berlangsung antaranya penyertaan pameran persatuan PAMNXT di High Street Studio, yang terletak di Jalan Tun HS Lee yang menampilkan idea tentang seni bina berdaya tahan, manakala PEREKA dan wREGA pula mempamerkan reka bentuk industri dan komunikasi visual bertempatan di GM Bukit Bintang (GMBB).

Pertandingan itu menjadi satu platform yang penting untuk menilai kreativiti dan tahap keupayaan pelajar serta sebagai peuang untuk menambah baik portfolio reka bentuk yang mereka hasilkan.



IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (PEMBANGUNAN WEB) DENGAN KEPUJIAN (BIW)

SYARAT KEMASUKAN AM

- ✓ Warganegara Malaysia
- ✓ Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau Bahasa Melayu Kertas Julai;
- ✓ Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).
- ✓ Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

KEMASUKAN ADALAH DARI LEPASAN :

- ✓ Matrikulasi
- ✓ Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Setaraf
- ✓ Diploma/Setaraf

*Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan syarat khas sila scan QR Code atau layari laman web FSKTM UTHM

UNTUK MAKLUMAT
LANJUT SILA IMBAS
QR CODE



SCAN ME

Fakulti Sains Komputer &
Teknologi Maklumat
Universiti Tun Hussein Onn
Malaysia,
86400, Parit Raja, Batu Pahat,
Johor, Malaysia



TEL.: +(607) 453 3601
FAX: +(607) 453 6023
<http://fsktm.uthm.edu.my/>

PROSPEK KERJAYA

Terdapat banyak peluang kerjaya apabila mengikuti bidang ini diantaranya adalah menjadi sebagai:



PENGATURCARA WEB

WEB SPECIALIST

PENGURUS PROJEK WEB

PENGANALISA WEB

PEMBANGUN KANDUNGAN
WEB

PEREKA WEB




KELEBIHAN PROGRAM INI

Memberikan manfaat kepada para pelajar dari segi pengembangan pengetahuan dalam bidang pembangunan web dan ia juga selaras dengan matlamat UTHM dalam melahirkan graduan yang berdaya saing dan memenuhi kehendak pasaran industri.



Terbitan Terkini




HOW MALAYSIAN NEWSPAPERS REPRODUCE ISLAMOPHOBIA

Mohd Nazri Latiff Azmi, Isyaku Hassan, Mohammad Talha Mohamed Idris

e-978-967-2817-70-3

RM 19.00

The media are blamed for using biased language to stigmatize Muslims. Many people believe that the media's negative portrayal of Islam is one of the most socially prevalent and significant sources of Islamophobia. This book explores how Islamophobia is reproduced in selected Malaysian newspapers from a framing perspective. Framing theory considers meaning as existing particularly in the media messages. It focuses on the influence of news viewpoints used by journalists on the audiences. The Star and New Straits Times were chosen for analysis. It was discovered that the newspapers tend to reproduce Islamophobia through the use of conflict frames, negative tone, use of photos, and sensational language. Further analysis showed that the western media's negative content influences how newspapers report Islam in Malaysia. Journalist's perception, corporate ownership of the media, editorial policies, government regulations, and lack of proper training amongst journalists influences news reporting of Islam. The spread of Islamophobia can be minimized through the collective effort of journalists, editors, corporate ownership of the media, and by being conflict-sensitive and restrictive to the actors.



THE CRISIS OF CLIMATE CHANGE : IMPACT ON CALAMITIES IN MALAYSIA

Siti Nazahiyah Rahmat, Nurul Nadrah Aqilah Tukimat

e-978-967-2817-69-7

RM 18.00

Climate change is emerging as a global phenomenon. Much research has been devoted to study the consequences on a wide range of human and environmental systems. In Malaysia, more intense and frequent extreme events are expected due to extreme climate change. The Crisis of Climate Change: Impact on Calamities in Malaysia offers an insightful look at climate variability, floods, and droughts despite no previous understanding of climate processes. It also presents a basic definition of weather calamities that can help general readers better understand the causes of climate variability and the consequences. The book contains four chapters related to climate change. It collects the latest information and findings of possible future climate based on case studies that have been carried out in some parts of Pahang and Johor, Malaysia. The impact of climate change on the implementation of rainwater harvesting (RWH) as one of the adaptation measures is also discussed. Future climate should be considered in the design and planning of the RWH system so that the system can sustainably meet stormwater management requirements. The most important thing is that the impacts of climate change need to be studied at the regional or local scale to improve planning and management for a climate-resilient future.

Terbitan Terkini



REVOLUSI INDUSTRI

Suhaizal Hashim, Nurhanim Saadah Abdullah, Usuloudin Hamzah

e- 978-967-2817-77-2

RM 19.00

Terhasilnya buku ini adalah atas hasrat untuk berkongsi sedikit pengetahuan mengenai revolusi industri terkini yang pesat berkembang mengikut peredaran masa. Sejajar dengan kehendak pendidikan abad 21, atas kesedaran bahawa masih ramai lagi antara kita masih kurang cakna tentang proses yang sedang pesat berlangsung ini. Dengan adanya transformasi sebegini, proses pertumbuhan ekonomi menjadi lebih kuat dan menghasilkan tahap produksi lebih tinggi.

Buku ini disusun dalam beberapa bab meliputi beberapa topik mengikut perkembangan Revolusi Industri di negara-negara maju dan tidak ketinggalan juga perkembangannya di Malaysia. Selain itu, pecahan dalam elemen-elemen revolusi industri ini juga telah dihuraikan untuk memudahkan lagi kefahaman pembaca dalam menghayati dan memahami proses-proses tersebut. Setiap elemen revolusi industri yang dibincangkan ini disertakan dengan sokongan beberapa kajian yang telah dijalankan serta contoh dari persepsi penulis sendiri untuk memudahkan kefahaman kepada pembaca.



“UTHM Championing TVET”